



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/027
Tarikh : 04 Februari 2022

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2022**

PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI LGM SECARA ATAS TALIAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, sepanjang bulan Januari 2022 sehingga hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di kalangan Pegawai dan Pekhidmat LGM adalah seramai 11 orang. Oleh itu, tindakan pencegahan yang ketat dan kewaspadaan yang tinggi perlu dilaksanakan. Tambahan pula, dengan penularan varian Omicron di Malaysia di mana kadar kebolehjangkitannya lebih pantas berbanding varian lain.
3. Sehubungan dengan itu, YH Dato Ketua Pengarah LGM mengarahkan supaya program dan aktiviti terutamanya mesyuarat dan temuduga dilaksanakan secara atas talian melalui pelantar Zoom, Google Meet dan sebagainya bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan Pegawai dan Pekhidmat LGM.
4. Pelaksanaan program dan aktiviti LGM secara atas talian ini berkuat kuasa mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan untuk tempoh dua (2) minggu atau sehingga diberitahu kelak.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah – Pengarah Bahagian